

**F KUKUM TUAN RUMAH MESYUARAT JEMAAH DEKAN  
KEJURUTERAAN IPTA KE-29**

Pada 4 Julai 2003 yang lalu KUKUM telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jemaah Dekan Kejuruteraan IPTA Ke-29. Mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 11, Bangunan KWSP dan telah dihadiri oleh seramai 36 Dekan Kejuruteraan atau wakil dari semua IPTA seluruh Malaysia termasuk dari KUKUM sendiri dan telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Hassan Basri dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sempena mesyuarat ini juga KUKUM telah mengadakan Majlis Makan Malam Bersama Rektor bagi meraikan kedatangan delegasi mesyuarat ke KUKUM. Majlis makan malam ini diadakan pada malam sebelumnya dan dihadiri oleh Yang Berbahagia Rektor dan Pegawai-pegawai Utama KUKUM.